

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K RASIAH [SUBANG]
TARIKH : 10 OGOS 2017
SOALAN : 85

Tuan Sivarasa a/l K Rasiah [SUBANG] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan kenapa sistem mendapat ubat percuma untuk kakitangan Kerajaan dan pesara daripada farmasi-farmasi melalui Syarikat Oratis diberhentikan sejak bulan Mac 2017 dan kenapa dibuat tanpa penjelasan kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem e-MASS adalah merupakan sistem yang dikendalikan oleh Oratis Rx Sdn Bhd yang telah dipilih secara tender terbuka bagi membekalkan ubat dan alat perubatan yang tidak dapat dibekalkan/disediakan oleh hospital Kerajaan kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen sebagaimana tertakluk di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 21 Tahun 2009. Kontrak ini bermula pada 28 Januari 2012 hingga 27 Januari 2017 dan telah diluluskan pelanjutan interim selama satu (1) bulan dari 28 Januari 2017 hingga 27 Februari 2017. Sistem ini tidak melibatkan kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat.

Selepas kontrak tamat, Kerajaan memutuskan supaya fungsi perbekalan ubat dan alat perubatan dipindahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pertahanan yang memberikan kemudahan perubatan dan kesihatan awam. Dengan perpindahan fungsi ini yang bermula pada 1 Jun 2017, hospital-hospital awam ini akan bertanggungjawab untuk membekalkan semua ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang diperlukan oleh pesara Persekutuan dan pesara veteran ATM.

Oleh kerana perubahan ini baru dilaksanakan, tidak dapat dinafikan terdapat beberapa isu pelaksanaan seperti maklumat sepenuhnya tidak diperolehi oleh pihak hospital/klinik dan pesara. Ini menyebabkan terdapat pesara yang perlu membuat bayaran terlebih dahulu dan kemudiannya membuat tuntutan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) yang mana perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Perkara ini sememangnya dalam perhatian kerajaan dan sedang menanganinya dari semasa ke semasa.